



## LEBIH MUDAH UNTUK PENCARUM MENERIMA BAYARAN PERSARAAN

## SEBELUM

## Dibuat pencarum:

## Bagi anggota Skim Jumlah Persaraan (RSS)

1. Selepas Akaun Persaraan (RA) telah habis, pencarum akan terus menerima bayaran hanya jika mereka memohon untuk memindahkan wang dari Akaun Biasa (OA) dan Akaun Khas (SA) ke RA.

## Bagi pencarum CPF Life

2. Pengaliran masuk RA tidak secara automatik menjadikan bayaran bulanan CPF Life meningkat.

## SELEPAS

## Dilakukan secara automatik bagi pencarum:

1. Anggota RSS secara automatik terus menerima bayaran daripada simpanan Akaun Biasa dan Khas (OSA) apabila simpanan RA habis digunakan - sekitar 83,000 anggota RSS akan meraih manfaat bermula Q1 2022 selepas ia dilaksanakan.
2. Bagi anggota CPF Life yang telah mula mendapat bayaran (sekitar 75,000), pengaliran masuk RA akan secara automatik digunakan untuk meningkatkan bayaran CPF Life mereka.



## LEBIH MUDAH BAGI PENCARUM MENERIMA BAYARAN PERSARAAN

## DI BAWAH PERATURAN SEKARANG

## Bagi anggota yang mencapai usia 65 tahun bermula 2022:

1. Pemandangan simpanan OSA ke RA, sehingga kohort Jumlah Persaraan Penuh, sejurus sahaja layak untuk mula menerima bayaran.

## MULAI JAN 2023

## Bagi anggota mencapai usia 65 tahun mulai 2023:

1. Pemandangan berlaku apabila pencarum memilih untuk mula menerima bayaran (pada bila-bila masa antara usia 65 dengan 70 tahun\*) di mana ia akan menawarkan suntikan bayaran.

2. Tiada perubahan kepada peraturan sedia ada bagi pengeluaran simpanan CPF.

\*Fleksibiliti untuk memilih bila untuk memindahkannya.



## LEBIH MUDAH UNTUK PENCARUM MEMBANGUNKAN SIMPANAN PERSARAAN MEREKA

## DI BAWAH PERATURAN SEDIA ADA

1. Had pelepasan cukai sebanyak \$7,000 bagi Pelepasan Cukai Tokokan Jumlah Persaraan (RSTU) untuk Sumbangan Sukarela kepada Akaun Medisave (VC-MA) mengikut batas had tokokan.
2. Pelepasan cukai bagi RSTU yang disediakan kepada pemberi, VC-MA disediakan kepada penerima.
3. Tokokan VC-MA dibataskan pada peringkat rendah Had Tahunan CPF dan Jumlah Jagaan Kesihatan Asas sedia ada.
4. 140,000 pencarum membuat tokokan di bawah RSTU manakala 44,000 pencarum menerima VC-MA.

## MULAI 1 JAN, 2022

## Memperudahkan dan menyelaraskan peraturan bagi kedua-dua RSTU dan VC-MA

1. Untuk menyelaraskan peraturan bagi kedua-dua skim, pelepasan cukai untuk VC-MA akan diberikan kepada pemberi dan bukan penerima.
2. Gabungan had pelepasan cukai lebih tinggi bagi kedua-dua skim ditetapkan pada \$8,000 (contoh, \$8,000 bagi tokokan kepada diri sendiri dan \$8,000 bagi tokokan untuk orang yang disayangi).
3. Pencarum boleh merujuk kepada Jumlah Jagaan Kesihatan Asas untuk mengesahkan had tokokan. Mereka tidak lagi perlu memeriksa Had Tahunan.



## MEMPERCEPAT PENGAGIHAN ASET CPF KEPADA CALON MENYUSULI KES KEMATIAN

## DI BAWAH PERATURAN SEDIA ADA

1. Wang pencarum dikekalkan dalam akaun CPF dengan faedah terkumpul sehingga tujuh tahun selepas kematian atau disifatkan sebagai tidak aktif\*.
2. Saham Singtel pencarum yang mendapat diskaun dikekalkan dalam akaun CPF sehingga tujuh tahun selepas kematian atau disifatkan sebagai tidak aktif. Kebanyakan yang menuntut memilih untuk mencairkannya.

\*Jika usia  $\geq 100$  dan tiada urusan niaga selama  $\geq 10$  tahun dan tiada respons kepada notifikasi CPF

## MULAI APRIL 2022

1. Tempoh wang yang disimpan disingkatkan kepada enam bulan selepas kematian. Dengan usaha CPF untuk mempercepat pengagihan kepada pencalon, wang CPF 93 peratus pencarum yang telah meninggal dunia diagihkan kepada pencalon dalam masa enam bulan menyusuli kematian pencarum.
2. Bagi pengagihan lebih pantas, saham Singtel yang diberi diskaun, akan dicairkan (liquidate) dan diagihkan secara automatik enam minggu selepas kematian.
3. Ekoran takrifan tidak aktif yang agak ketat sekarang, pemindahan wang dan saham Singtel yang diberikan diskaun dan dicairkan apabila disifatkan sebagai tidak aktif. Jika kemudian didapati masih hidup, wang akan dikembalikan ke akaun CPF dengan faedah.
4. Tiada perubahan kepada hak pencalon untuk membuat tuntutan pada bila-bila masa.
5. Usaha berterusan untuk mengurangkan terjadinya wang CPF yang tidak dituntut dengan Pejabat Pemegang Amanah Awam/Kementerian Undang-Undang.



## MENDAPAT SEMULA GERAN PEMERINTAH JIKA ANGGOTA MEMILIH UNTUK KEKAL TIDAK LAYAK

## DI BAWAH PERATURAN SEDIA ADA

Pemerintah sudah boleh mendapatkan semula geran yang salah diagihkan kepada individu tidak layak.

## MULAI 1 JAN, 2022

Perkembangan teknikal bagi memenuhi geran secara automatik diagihkan kepada anggota yang layak tetapi kemudian tidak memenuhi peraturan kelayakan yang berterusan.

Misalnya: Bagi Skim Simpanan Persaraan Dipadankan yang dilancarkan tahun ini, pemerintah akan memadamkan sebarang tokokan wang yang dibuat ke Akaun Persaraan (RA) bagi pencarum yang layak, sehingga had tahunan \$600. Geran yang dipadankan itu akan diagihkan pada awal 2022.

Dalam kes luar biasa di mana tokokan ditarik balik oleh pemberi, pindaan ini membolehkan pemerintah mendapatkan semula geran pepadanan itu kerana ia tidak lagi memenuhi peraturan kelayakan berterusan.